Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(14)

Tarikh : 13 Disember 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PERLANJUTAN TARIKH AKHIR PERAKAUNAN ASET DAN INVENTORI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada SPANM Bil. 5/2019 Lampiran B: Garis Panduan Perakaunan Aset Dan Inventori Bagi Tahun Kewangan 2019, pihak kami ingin menarik perhatian semua PTJ berkaitan perkara berikut:-

| **Bil.** | **Aktiviti / Tugas** | **Tindakan** | **Tarikh Akhir** | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| **Lampiran B (Bil 1 - 10 & 11)** | (1) Perolehan Aset<br>(2) Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan (AUC)<br>(3) Pindahan Aset<br>(4) Pengelasan Aset<br>(5) Penjejasan Nilai Aset<br>(6) Pelupusan Aset<br>(7) Pelarasan Aset<br>(8) Pembatalan Urusniaga Aset | Memastikan kesemua proses transaksi tersebut diselesaikan sehingga Perakuan II atau Akuan Terima | Tarikh Akhir 13.12.2019 **dilanjutkan** sehingga **24.12.2019 (Selasa)** | 1. Transaksi yang dilanjutkan tempoh ini hanya merujuk kepada transaksi yang melibatkan Modul AA sahaja.<br>2. Bagi jurnal pelarasan yang memerlukan tindakan penyediaan BJ Pelarasan di Modul GL/AP dan kemudiannya penyediaan BJ di Modul AA, tindakan berkenaan **boleh diteruskan** berikutan tarikh akhir penyediaan BJ Modul GL telah dilanjutkan iaitu pada 19.12.2019. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (9) Susut Nilai Aset Secara Manual<br>(10)Kemaskini Data Induk Aset Yang Belum Selesai | | | |
| **Lampiran B (Bil 2.2)** | Tindakan Memperakaunkan Bayaran Kemajuan (Bayaran Interim) AsetDalam Pembinaan (AUC) Rujukan: | Memantau perakaunan berkaitan AUC melalui penyelenggaraan daftar AUC seperti dalam Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset Dan Liabiliti Selepas Data Baki Awal Aset Tersedia Di iGFMAS dan memastikan bayaran tertunggak selepas CPC yang belum dijelaskan diperuntukkan (provision) kepada Aset Belum Bayar (ABB). | Tarikh Akhir 13.12.2019 **dilanjutkan** sehingga **24.12.2019 (Selasa)** | Bagi bayaran tertunggak selepas CPC yang belum dibayar (Amaun kos projek ditolak bayaran AUC yang telah dibuat kepada pembekal sejak projek bermula sehingga bayaran ketika menerima CPC), PTJ perlu memperakaunkan amaun tunggakan bayaran tertunggak selepas CPC tersebut melalui sub menu perolehan aset.<br><br>*Menu*:Portal iGFMAS > Perakaunan Aset >Pelarasan Aset > Daftar Pelarasan Aset> Jenis Pelarasan > Pelarasan Aset Yang Lain<br><br>Catatan Perakaunan:<br>Dt. Aset (contoh aset PPE : A1435XXX)<br>Kt. ABB (ASET) **L013XXXX**<br><br>**Rujuk Lampiran C -Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset Dan Liabiliti Selepas Data Baki Awal Aset Tersedia Di iGFMAS yang dilampirkan bersama.** |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Lampiran B (Bil 12)</td><td>Tindakan susulan berikutan proses pembatalan Fullfill ment Receive Notes (FRN) di ePerolehan dan GRN di iGFMAS (bagi situasi invois tidak diterima dalam tahun 2019)</td><td>Memperakaunkan kembali transaksi aset sejurus selepas transaksi aset direverse oleh proses pembatalan FRN di ePerolehan dan GRN di iGFMAS</td><td>Tarikh Akhir 13.12.2019 dilanjutkan sehingga 24.12.2019 (Selasa)</td><td>Mohon kerjasama semua AO untuk memastikan tindakan sebagaimana yang diarahkan, dilakukan oleh Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung / Kumpulan PTJ & PTJ Membayar (jika berkaitan)<br><br><u>Bertujuan memperakaunkan semula transaksi aset yang telah direverse</u><br>Menu: Portal iGFMAS> Perakaunan Aset> Perolehan Aset> Daftar Perolehan Aset> Jenis Perolehan> Perolehan Aset Hadiah/Sumbangan dan Lain-lain<br><br>Medan tarikh perolehan: Dikunci masuk tarikh peraku II FRN/GRN(rujuk FRN/GRN asal yang telah dibatalkan)<br><br>Catatan perakaunan baucar jurnal bagi memperakaunkan kembali transaksi perolehan aset melalui Modul AA:<br>Dt. Aset (contoh aset PPE : A1435XXX)<br>Kt. ABB GRN/FRN TRANSIT (ASET) L0191103<br><br>Tindakan ini PENTING bagi memastikan aset diperakaunkan dalam tahun 2019 dan dicaj susut nilai dalam tahun kewangan yang sama.</td></tr>
</table>

3. Kerjasama semua PTJ untuk mengambil tindakan sewajarnya (yang mana berkaitan). Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**UNIT PENGURUSAN ASET**
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PERAK**